

**CEBAL TAKLIK BARI SUBUT HUKUM DAN
PERLAURSAAN DI MARKAMAH STARIAH
RESDRI SENGILAR**

**OLES
HAJI MAHZAH BIN HAJI MAAROF**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
1987/88**



CERAI TAKLIK DARI SUDUT HUKUM DAN
PERLAKSANAAN DI MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI SEMBILAN

OLEH

HAJI HAMZAH BIN HAJI MAAROF

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PETALING JAYA SELANGOR

SESI 1987/1988

TAJUK KAJIAN

CERAI TAKLIK DARI SUDUT HUKUM DAN
PERLAKSANAAN DI MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pendahuluan	1
Objektif Kajian	4
Penghargaan	7

BAHAGIAN PERTAMA

PENGERTIAN TAKLIK

i.	Definasi cerai taklik/ Janji Taklik	9
ii.	Tafsiran Lafaz Taklik dari segi Perundangan adalah penting.	17
iii.	Contoh-contoh talak taklik yang tepat.	22
iv.	Lafaz taklik talak diikrar di Majlis Akad Nikah.	27

BAHAGIAN KEDUA

HIKMAH PENGHARUSAN CERAI TAKLIK

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
i. Konsep perkahwinan yang sempurna dalam Islam.	31
ii. Taklik Talak ialah penyelesaian terakhir terhadap kezaliman suami.	38
iii. Kesan-kesan negatif daripada pelaksanaan Lafaz Taklik.	45
iv. Tujuan bertaklik talak didalam syariat Islam.	53

BAHAGIAN KETIGA

PROSES PERLAKSANAAN TUNTUTAN TAKLIK

i. Pembahagian Taklik dibawah Fasal (123) Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1960.	60
ii. Contoh kes taklik hadir yang telah diputuskan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.	65
iii. Contoh Kes Taklik Ghaib yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.	80

KANDUNGANMUKA SURAT

iv.	Kajian sebab berlaku tuntutan taklik di Mahkamah Syariah.	84
v.	Bancian perceraian taklik/ Biasa Negeri Sembilan 1985 - 1987.	89

BAHAGIAN KEEMPAT

KAJIAN PERINGKAT PERBICARAAN TAKLIK
DI MAHKAMAH SYARIAH

i.	Pengaduan isteri untuk perbicaraan taklik.	94
ii.	Pengantar Saman kepada Yang Kena Tuntut.	99
iii.	Penentuan Peguam atau Wakalah Peguam dan lain- lain pengesahan.	104
iv.	Perjalanan perbicaraan kes taklik secara umum.	106
v.	Yang Menuntut diminta membawa saksi-saksi bagi pihaknya.	109

KANDUNGANMUKA SURAT

vi.	Yang Menuntut diminta Bersumpah didalam kes- kes Taklik Ghaib.	111
vii.	Pendapat dan Keputusan Hakim.	113

BAHAGIAN KELIMAPENUTUP

i.	Kesimpulannya.	128
ii.	Pandangan dan cadangan Penulis terhadap Kajian ini.	131
iii.	Bibliograf	138.

(1)

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanallah kerana dengan limpah rahmat dan petunjuk darinya telah mengilhamkan saya untuk mengemukakan suatu tajuk kajian kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa bahagian Fakulti Undang-Undang supaya ditulis dan dianalisa mengenai kedudukan atau pelaksanaan kes cerai taklik dari sudut hukum dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.

Walaupun saya kurang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan penulisan tajuk ini dengan sempurna dan berkesan, disebabkan kelemahan saya didalam ilmu dan pengalaman mengenainya, akan tetapi sebagai seorang penuntut yang sedang mengikut kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa ini, maka penulisan suatu tajuk ilmiah seperti ini adalah telah menjadi wajib dan tanggungjawab kepada semua penuntut-penuntut yang mengharapkan kejayaan didalam Kursus Diploma Undang-

(2)

Undang yang sedang dilaksanakan oleh Universiti
Islam Antarabangsa pada masa kini.

Berpandukan di atas dasar kewajipan yang
mesti disempurnakan inilah, maka dengan hidayat dan
taufik daripada Allah Subhanallah Taala, saya cuba
menggerakkan jari untuk memulakan penulisan ini dengan
penuh tabah dan azam semoga matalamat pengkajian dan
penulisan ini dengan penuh tabah dan azam semoga
matalamat pengkajian dan penulisan ini menjadi suatu
kenyataan yang boleh dimenafaatkan oleh mereka-mereka
yang bernajat mengetahui sedikit sebanyak tentang
pelaksanaan dan hukum cerai taklik yang berlaku didalam
Negeri Sembilan pada masa ini.

Untuk memudahkan saya menulis dan menyampaikan
kepada maksud dan matalamat kajian ini, disamping
memudahkan juga mereka-mereka membaca tulisan ini untuk

(3)

memahaminya, maka saya telah bahagikan penulisan ini kepada lima bahagian, iaitu BAHAGIAN PERTAMA ditulis mengenai pengertian lafaz taklik didalam Islam, BAHAGIAN KEDUA ditulis mengenai hikmah pengharusan perceraian dengan taklik, BAHAGIAN KETIGA pula ditulis mengenai proses pelaksanaan tuntutan taklik di Mahkamah, BAHAGIAN KEEMPAT saya tuliskan mengenai kajian peringkat perceraian kes taklik di Mahkamah Syariah manakala BAHAGIAN KELIMA pula ialah penutupan.

Walaupun kajian ini mungkin tidak mencakupi semua aspek yang berkaitan dengan penguraian yang lebih jitu terhadap permasalahan perceraian taklik, namun begitu saya mohon kemaafan di atas ketidak sempurnaan itu kerana disebabkan oleh kelemahan dan kecetekan pengetahuan saya sendiri didalam hal-hal yang tersembunyi itu, semuga Allah mengampuni saya dan pembaca-pembaca sekalian, amin yaribil a'lamin.

(4)

OBJEKTIF KAJIAN

Sebagai suatu masalah yang sering berlaku didalam hubungan suami isteri dalam masyarakat Islam hari ini, maka objektif kajian perceraian melalui taklik ini bolehlah digariskan seperti berikut:-

- (1) Kajian ini dibuat ialah untuk melihat dan mengetahui secara mendalam akan permasalahan yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah didalam menerima aduan taklik serta membuat tindakan penyelesaiannya.
- (2) Untuk meninjau sejauh manakah perceraian melalui taklik ini dapat meredakan konflik seorang isteri yang ditinggalkan oleh suami beberapa lama tanpa tanggungjawab yang sepertutnya.
- (3) Bagaimanakan kedudukan seorang suami yang jujur, akan tetapi diputar belitkan oleh isteri yang

(5)

tidak bertanggungjawab terhadap suaminya
dan seterusnya isteri itu sanggup membuat
fitnah terhadap kejujuran suaminya yang mana
akhirnya membuat aduan ke Mahkamah Syariah
untuk pengesahan takliknya itu.

- (4) Untuk memahami bahawa pengharusan perceraian
melalui ikrar taklik itu bukanlah tiket untuk
memudahkan terputusnya hubungan suami/isteri
yang setia dan baik.
- (5) Untuk melihat jumlah perceraian taklik yang
berlaku dan dilaksanakan oleh Mahkamah Kadi
di daerah-daerah Negeri Sembilan berbanding
dengan perpisahan suami/isteri melalui perceraian
(talak) biasa atau melalui perceraian fasakh.

(6)

(6) Untuk memberi gambaran yang jelas tentang perceraian di Mahkamah Syariah didalam memberikan khidmat nasihat kepada isteri-isteri yang mengadu ke pejabat Kadi, supaya perselisihan dan perbalahan suami/isteri yang memakan masa yang panjang yang melebihi masa taklik dapat didamaikan dan seterusnya isteri yang membuat aduan itu berpuas hati dan menarik balik tuntutan takliknya dan secara langsung kehidupan rumah-tangga mereka dapat dipulihkan seperti biasa.

(7) Untuk membuat penilaian tentang prosedur yang dilaksanakan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Sembilan didalam melayan dan memproses perceraian-perceraian pengesahan taklik, samada pelaksanaannya yang sedang berkuatkuasa sekarang ini memberikan suatu keadilan yang sesuai dengan prinsip perkahwinan dan perceraian didalam Islam.

(7)

PENGHARGAAN PENULIS

Didalam menjayakan kajian ini, penulis telah mendapat kerjasama dan bantuan daripada semua pihak yang ada kaitannya dengan projek ini, samada daripada orang perseorangan atau Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan lebih lagi Kadi-Kadi Daerah yang mana terletaknya Mahkamah-Mahkamah Syariah di daerah-daerah negeri ini, yang mempunyai kaitan langsung didalam mendapatkan maklumat dan catatan-catatan perbicaraan mengenai taklik.

Oleh yang demikian saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada mereka-mereka yang telah memberikan sumbangan fikiran didalam usaha menjayakan projek latihan ini, terutamanya kepada Yang Berbahagia Sahibul Samahah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (Tuan Haji Mohd. Murtadza bin Haji Ahmad) yang telah memberikan pandangan mengenai hukum-hukum pengharusan taklik dan juga

(8)

kepada Yang Berbahagia Ustaz Hussin bin Haji Harun
(Kadi Daerah Jelebu) dan ucapan terima kasih juga
ditujukan kepada Ustaz Arshad bin Haji Abdul Samad
(Kadi Daerah Kuala Pilah) dan istimewa kepada Tan Sri
Professor Dato' Haji Ahmad bin Ibrahim Sheikh Al-Kuliah
Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa yang telah
memberi bimbingan yang berharga didalam usaha menyempurnakan
kajian ini.

Mudah-mudahan Allah menggandakan amal dan
bakti mereka-mereka yang telah memberikan kerjasama ini
dan melipat gandakan kebajikan ke atas mereka Fiddunya
Wal Akhirah. Amin.

HAJI HANZAH BIN HAJI MAAROF,
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM,
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SESI 1987/1988.

BAHAGIAN PERTAMA

PENGERTIAN TAKLIK

i. DEFINASI CERAI TAKLIK/JANJI TAKLIK

Sebelum saya memperkatakan tentang masalah dan perlaksanaan cerai taklik dengan cara lebih jauh, maka suatu penghuraian atau takrif yang jelas mengenainya adalah mustahak dibincangkan terlebih dahulu, kerana daripada pengenalan pokok masalahnya akan memudahkan untuk mencapai dan memahami akan segala permasalahan yang berkaitan dengannya.

Oleh itu didalam tujuan tersebut, saya cuba memberikan definasi yang dapat dikutip didalam huraian ulamak-ulamak fekah yang mana diantaranya:

1. Cerai taklik ialah suatu perceraian yang digantungkan oleh seseorang suami (lelaki) ke atas isterinya didalam mengerjakan sesuatu

(10)

perkara atau meninggalkannya (1) seperti
seorang suami berkata kepada isterinya
"jika engkau keluar rumah tanpa izin aku,
maka jatuh ke atas engkau satu talak".

Terdapat huraian didalam kitab fekah (2)
iaitu ulamak telah menjelaskan bahawa "jika isteri
keluar tanpa keizinannya, maka jatuhlah talak ke atasnya"
dan jika ia keluar pula kali kedua tanpa izin tersebut,
tidaklah jatuh ke atasnya talak lagi. Keadaan ini
adalah disebabkan bahawa tertakluk kepada huruf syarat
yang digunakan didalam lafaz taklik itu sendiri yang akan
saya huraikan didalam penggunaan huruf-huruf syarat
didalam lafaz cerai taklik yang ditentukan didalam kitab-
kitab fekah.

1. Kitab Yas Alunaka Fiddin Wal-Hayah
Dr. Ahmad Sharmasi Hal. - 237.
2. Tanwir Al-Qulub Sheikh Mohd. Amin Al-Kardi
Hal. - 730.

(11)

Didalam kitab "Al-Fatawa" Sheikh Shaltut Al-Hanafi ada menerangkan bahawa cerai taklik hendaklah mengikut tafsiran atau maksud yang ditentukan, jika sekiranya dimaksudkan dengan lafaz taklik itu untuk menjatuhkan talak ke atas seseorang isteri yang telah melakukan sifat-sifat taklik itu atau meninggalkannya, maka jatuhlah talaknya, kecuali penggantungan sifat-sifat taklik yang disyaratkan itu merupakan suatu perkara yang mustahil pada 'uruf seperti penggantungan talak dengan naik kelangit, atau mustahil pada akal seperti menggantungkan talak dengan menghidupkan orang yang telah mati, atau mustahil pada syarak, seperti menggantungkan talak dengan menghapuskan kedatangan bulan Ramadhan, maka semua sifat-sifat talak ini tidak menjatuhkan talak kerana menggantungkan talak dengan sifat-sifat itu adalah suatu yang tidak mungkin berlaku (1).

-
1. Kitab Mughni Al-Muhtaj Sheikh Mohd. Al-Khatib Al-Sharbini Hal. - 314.

(12)

Didalam huraian sifat-sifat taklik yang terdapat didalam kitab-kitab fekah, didapati ada ulamak-ulamak yang telah memberikan dan menjelaskan maksud-maksud taklik mengikut andaian seperti berikut:-

i. Jika sekiranya yang bertaklik itu bertujuan untuk menakut atau melarang seseorang isteri daripada perbuataan yang ditaklikkan itu, sedangkan yang bertaklik tidak berhajat untuk bercerai dengan isterinya dan juga tidak ada sebab-sebab yang mustahak bahawa suami yang bertaklik itu bertujuan menceraikan isterinya, maka perkataan taklik itu adalah batal dan tidak memberi apa-apa kesan didalam hubungan suami/isteri (1).

ii. Tetapi jika tersirat didalam lafaz taklik yang dilafazkan oleh seseorang itu akan tujuan atau niat

1. Kitab Yas Alunaka Fiddin Wal-Hayah
Dr. Ahmad Sharmasi Hal. - 236.

(13)

perceraiian, maka jatuhlah talaknya, apabila sifat-sifat taklik itu berlaku atau dilakukan oleh seseorang isteri itu. Tafsiran yang kedua ini ialah pendapat Ulama'-ulama' Salaf dan Khalaf dan adalah lumrah terpakai didalam Mahkamah-Mahkamah Syariah pada masa kini (1).

2. Didalam definasi yang lain pula, terdapat Ulamak menghuraikan mengenai cerai taklik itu dengan mengatakan bahawa taklik, ialah apabila seseorang suami itu telah bersumpah akan menceraikan isterinya, maka isterinya itu melakukan sesuatu perkara yang dipergantungkan dengan sumpah talaknya, iaitu sekiranya isteri itu betul-betul melakukan perkara yang dimaksud dengan sumpah talak itu, maka secara langsung jatuhlan ke atasnya talak yang disumpahkan itu (2).

-
1. Kitab Yas Alunaka Fiddin Wal-Hayah
Dr. Ahmad Sharmasi. Hal. - 236.
 2. Wanita diantara hukum Islam dan Undang-Undang.
Dr. Mustafa Assibaii Hal. - 198.

(14)

Terdapat didalam kitab fekah (1) bahawa ulamak-ulamak telah bersalahkan pendapat didalam menjelaskan bentuk sumpahan talak, (pertama) hendaklah melazimkan apa yang disumpahkan itu (kedua) tidak melazimi apa-apa hukuman di atas sumpahnya itu (ketiga) lazim bagi yang bersumpah itu membayar kifarah sumpah. Manakala setengah ulamak pula membuat perbezaan diantara sumpah dan talak dan pendapat yang ketiga ini adalah lebih terang dan jelas seperti firman Allah Taala: (2)

قَدْرَضَ اللَّهُ لَكُمْ تَحْلِهَ أَبْيَنْكُمْ

Yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah telah mewajibkan kepada kamu sekalian membebaskan diri dari sumpah mu.

Akan tetapi didalam Mazhab Zahiriah dan juga sebahagian daripada pengikut-pengikut Mahzab Shafie dan Ahmad Hambali menghuraikan bahawa lafaz sumpah talak ini

1. Al-Fatawa Al-Qubra Li Ibni Taaimiyah juzuk thalith Hal. - 4.

2. Surah At-Tahrim ayat 2.

(15)

mengikut pengertian berikut;

1. Kiranya seorang suami yang melafazkan sumpah talak itu bertujuan menguatkan larangan, supaya isterinya tidak melakukan sumpahan talak itu, dan ia tidaklah bertujuan menekankan jatuhnya talak, maka kata-kata itu adalah bernilai seperti sumpah yang dimaksudkan bagi menguatkan larangan itu, maka dengan yang demikian, talak tidak jatuh, dan yang bersumpah itu hendaklah membayar kifarah sumpah itu (1).
 2. Sebaliknya jika suami yang melafazkan sumpah talak itu memang bermaksud menekankan jatuhnya talak, maka dengan perbuataan isterinya melakukan sumpahan talak itu secara automatik jatuhlah ke atasnya talak (2).
-
1. Wanita diantara hukum Islam dan Undang-Undang Dr. Mustafa Assibaii - Hal. 98.
 2. Sama - Hal. 98.

(16)

Kesimpulan daripada kedua-dua definasi mengenai taklik seperti yang disebutkan itu adalah memberikan makna, bahawa setiap suami yang dikira sah menjatuhkan talak ke atas isterinya, maka dia juga adalah boleh (sah) menggantungkan talaknya didalam bentuk sifat atau syarat (10). Jika talak diggantungkan dengan satu syarat, maka jatuhlah talak ke atas seseorang isteri, apabila syarat itu ujud, begitu juga jika suatu talak itu diggantungkan dengan apa-sifat seperti suami berkata kepada isterinya "jika engkau (isteri) masuk kerumah bapa engkau nescaya jatuh ke atas engkau satu talak", maka jatuhlah ke atas seseorang isteri (perempuan) apabila sifat itu ujud.

10. Kitab Tanwir Al-Qulub

Sheikh Mohamad Amin Al-Karai. Hal. - 368.

(17)

ii. TAFSIRAN LAFAZ TAKLIK DARI SEGI PERUNDANGAN ADALAH PENTING

1. Perceraian taklik seperti yang berjalan dan diamalkan oleh masyarakat Islam di Negeri Sembilan adalah suatu cara pemansuhan nikah yang telah dibenarkan oleh Undang-Undang dibawah Fasal (50)(1) yang memperuntukan:

Dibawah ceraian (1)

Seseorang perempuan yang bersuami boleh juga berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat seperti perakuan taklik yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku. (1)

Manakala Seksyen (50)(2) pula menyebutkan:

Dibawah ceraian (2)

Didalam apa juga tindakan, Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu

1. Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.

(18)

penyiasatan mengenai kesan perceraian itu dan jika berpuashati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syarak, hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan (1).

Didalam perlaksanaan peruntukan ini, tanggung-jawab seseorang Kadi hendaklah juga mengambil kira tafsiran yang jelas mengenai perceraian taklik seperti yang telah dinyatakan didalam Undang-Undang Keluarga Islam dibawah Fasal (2) yang berbunyi "Taklik erti lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut hukum syarak dan peruntukan enakmen ini (2)".

Dibawah peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tahun 1960 pula didalam Fasal (123) inilah bermulanya tindakan seseorang Kadi (Hakim)

-
1. Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.
 2. Sama.